



KENYATAAN MEDIA MENTERI PERPADUAN NEGARA

KEPELBAGAIAN KITA, KEKUATAN MALAYSIA

Putrajaya, 15 September 2020 - Selamat Menyambut Hari Malaysia kepada semua rakyat Malaysia.

Kejayaan negara boleh diukur dan diungkapkan dengan pelbagai cara. Namun pencapaian yang paling bermakna buat kita semua adalah keteguhan perpaduan kita.

2. Kesejahteraan yang dinikmati hari ini mekar tumbuh dari kesediaan rakyat Malaysia mengamalkan semangat perpaduan biarpun kita dibesarkan dalam suasana pelbagai agama, bangsa dan budaya, yang telah wujud sekian lama antara kita.
3. Kekayaan budaya, kepelbagaian bangsa dan warna-warni kehidupan setiap rakyat Malaysia membentuk asas dan mencorakkan kemakmuran tanah air kita yang tercinta ini.
4. Jangan sekali-kali kita mengambil mudah perpaduan yang dikecapi. Usaha, kesedaran dan keinginan untuk melestarikan keharmonian antara kita semua harus terus diperkukuhkan.

5. Pada masa kini, sambil kita masih memerangi penularan COVID-19, saya mengharapkan seluruh rakyat Malaysia akan terus peka dan mematuhi SOP norma hidup baharu, di samping memelihara nilai-nilai murni dan kesopanan antara kita semua.
6. Meski pun Hari Malaysia pada tahun ini diraikan secara sederhana, namun saya yakin bahawa rasa kebersamaan dalam kalangan rakyat Malaysia tetap terserlah dengan mengamalkan nilai-nilai yang menyatupadukan.

Marilah kita sama-sama menyambut Hari Malaysia kali ini dengan penuh bersemangat semoga ini mengeratkan lagi silaturrahim sesama kita. Kesediaan ini tentunya akan terus mengekalkan sejahtera di bawah payung kedaulatan negara.

Selamat Hari Malaysia.

Stay United. Stay Safe

#malaysiaprihatin #semangatkekitaan #PerpaduanSuatuKebiasaan

DATUK HALIMAH MOHAMED SADIQUE

Menteri Perpaduan Negara

15 September 2020

-TAMAT-

Pertanyaan media:

1. **Lee Hock Keong**, Setiausaha Akhbar
Tel: 018 - 780 0079
2. **Norhayati Abd Manaf**, Ketua Unit Komunikasi Korporat
Tel: 012 – 393 5075